

7 negeri guna katil ICU melebihi kapasiti

Kuala Lumpur: Tujuh negeri kini mencatatkan penggunaan katil unit rawatan rapi (ICU) bagi pesakit COVID-19 melebihi kapasiti 100 peratus dengan Negeri Sembilan berada pada tahap 225 peratus.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Adham Baba, berkata ia diikuti Labuan (180 peratus), Johor (122 peratus), Selangor dan Kedah (118 peratus), Kuala Lumpur (107 peratus) dan Pulau Pinang (103 peratus), manakala Putrajaya pula mencatatkan kapasiti penggunaan 100 peratus.

Katanya, secara purata, penggunaan katil ICU bagi pesakit COVID-19 di seluruh negara ketika ini juga melebihi kapasiti diperuntukkan iaitu pada tahap 104 peratus.

"Jumlah katil ICU di seluruh negara termasuk katil rawatan kritikal di kawasan *repurpose* (ubah suai) dalam hospital adalah sebanyak 1,113 katil, manakala jumlah pesakit yang dirawat di ICU pula adalah seramai 1,163 orang.

"Kita mengambil pelbagai langkah untuk menampung keperluan katil ini. Bagaimanapun, jika kes terus meningkat kepada 10,000 atau 11,000 sehari, kita bimbang kerana kemampuan kita ini ada hadnya.

"Jadi, kita amat berharap sekatan pergerakan penuh yang akan dilaksanakan bermula

(PKRC) Awam dan 17 PKRC Tahanan seluruh negara, dengan kadar penggunaannya ketika ini adalah pada tahap 67 peratus.


Dari segi kemudahan ventilator, sebanyak 622 diperuntukkan untuk pesakit COVID-19, dengan kadar penggunaan ketika ini pada tahap 29 peratus.

Dr Adham berkata, bagi menampung jumlah pesakit COVID-19 yang tinggi, Kementerian Kesihatan (KKM) antara lain mengubah suai wad bukan COVID-19 bagi menyediakan lebih katil untuk pesakit dijangkiti coronavirus bagi kategori tiga dan empat.

"Kita juga menukar bilik menunggu bagi bilik bedah yang tidak digunakan untuk menempatkan katil ICU. Selain itu, bagi kebanyakan kes bukan COVID-19, kita akan menyumbat luar kepada hospital pakar yang mampu mengambil pesakit berkenaan," katanya.

Beliau berkata, KKM turut menambah katil rawatan kes COVID-19 dan bukan COVID-19 di hospital pengajar, selain bekerjasama dengan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) untuk membina Hospital Medan seperti di Tampin, Negeri Sembilan dan Kepala Batas, Kedah.

"Kita juga membuat 'step down care' (penyusutan tahap penjagaan), yang mana pesakit COVID-19 kategori empat atau



Kakitangan KKM dan ATM memeriksa peralatan ketika persiapan wad ICU di Hospital Medan Kepala Batas, baru-baru ini.

(Foto Danial Saad/BH)

Penularan COVID-19

Berita Harian

(31/05/2021)

M1504

Doktor terpaksa pilih pesakit berpotensi sembuh

Selasa ini (esok) dapat berjalan lancar supaya kita dapat segera merawat pesakit COVID-19 ini," katanya kepada BH.

Dr Adham berkata, sebanyak 45 hospital membabitkan 12 negeri mencatatkan penggunaan katil ICU melebihi 70 peratus.

Secara keseluruhan, beliau memaklumkan, sebanyak 39,251 katil dikhususkan untuk pesakit COVID-19 di 88 hospital, 114 Pusat Kuarantin dan Rawatan COVID-19 Berisiko Rendah

lima, yang sudah turun ke kategori dua dan tiga, kita akan pindahkan mereka ke PKRC untuk pemantauan berterusan.

"Kita juga menubuhkan Pusat Penilaian COVID-19 (CAC) di 198 Pusat Kesihatan Daerah (PKD) untuk memastikan kita dapat merawat kes bagi tahap satu dan dua di rumah dengan pemantauan rapi, selain membenarkan pengamal perubatan (GP) merawat serta memantau kes berkenaan," katanya.

Ibadat & Fadilat

Abdullah Ibnu Busr RA meriwayatkan seorang Arab Badwi bertanya kepada Rasulullah SAW: "Sesungguhnya syariat Islam banyak kuketahui, untuk itu beritahukanlah padaku dengan sesuatu yang dapat aku pegang kuat-kuat daripadanya." Baginda menjawab: "Hendaknya lisanmu sentiasa basah kerana zikrullah." (HR Ibnu Majjah)

KAWASAN	SUBUH	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
Kangar	5:47	1:19	4:43	7:32	8:47
Alor Setar	5:48	1:19	4:43	7:31	8:47
P. Pinang	5:50	1:19	4:43	7:30	8:45
Ipoh	5:49	1:16	4:41	7:26	8:42
Kuala Lumpur	5:49	1:14	4:39	7:23	8:37
Shah Alam	5:49	1:14	4:39	7:23	8:37
Johor Bahru	5:43	1:05	4:29	7:10	8:25
Kuantan	5:44	1:08	4:33	7:16	8:30
Seremban	5:49	1:12	4:37	7:19	8:33
Bandar Melaka	5:48	1:11	4:36	7:18	8:32
Kota Bharu	5:42	1:11	4:36	7:24	8:35
K. Terengganu	5:39	1:07	4:32	7:18	8:34
Kota Kinabalu	4:48	12:17	3:42	6:28	7:44
Kuching	5:18	12:40	4:05	6:46	8:00

Situasi dihadapi pasukan perubatan akibat pertambahan kes di ICU

Oleh Zanariah Abd Mutalib dan Luqman Arif Abdul Karim
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Peningkatan menegak jangkitan COVID-19 di negara ini dengan pertambahan kes dalam unit rawatan rapi (ICU), termasuk memerlukan bantuan pernafasan, ada kalanya meletakkan doktor kini dalam situasi terpaksa membuat pilihan di antara pesakit berpotensi tinggi untuk sembuh, berbanding mereka yang berpotensi rendah.

Situasi terbabit terpaksa dihadapi pasukan perubatan kerana ketika ini, tujuh negeri mencatatkan penggunaan katil ICU bagi pesakit COVID-19 melebihi kapasiti 100 peratus.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, berkata pilihan yang sukar itu terpaksa dihadapi mereka apabila jumlah kes aktif COVID-19 yang tinggi melebihi kemampuan petugas perubatan untuk merawat.

"Apabila kes aktif COVID-19 melebihi kemampuan kami untuk merawat, maka doktor terpaksa membuat pilihan sukar untuk utamakan katil ICU bagi pesakit yang berpotensi sembuh yang tinggi berbanding pesakit yang berpotensi sembuh rendah (poor prognosis). Terkini, inilah hakikat sebenar," katanya menerusi ciapan di Twitternya.

Kelmarin, Malaysia merekodkan angka harian tertinggi jangkitan baharu COVID-19 dengan 9,020 kes, selain mencatatkan jumlah kematian tertinggi iaitu 98 kes, sebelum menurun kepada 6,999 kes dengan 79 kematian semalam.

Selangor kekal merekodkan kes harian tertinggi dengan 2,477 kes, diikuti Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (616) dan Kelantan (612).

Dalam masa sama, sembilan negeri dan kawasan Wilayah Persekutuan mencatat kadar kebolehjangkitan atau R-naught (Rt) melebihi paras purata Kebangsaan 1.16 kelmarin, dengan Labuan mencatatkan nilai Rt 1.82.

Dr Noor Hisham berkata, jumlah pesakit COVID-19 yang dimasukkan ke ICU, termasuk yang disahkan dalam siasatan dan sedang menunggu keputusan merekodkan jumlah tertinggi sejak pandemik bermula tahun lalu dengan hampir 1,200 kes.

Beliau berkata, kebanyakan

katil ICU buat masa ini digunakan untuk pesakit COVID-19, menyebabkan peluang pesakit bukan COVID-19 yang lain untuk menerima rawatan rapi lebih tipis.

Mengulas situasi sama, Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Adham Baba, mendedahkan jumlah pesakit COVID-19 yang terlalu ramai melebihi kemampuan dirawat dalam ICU dan varian baharu yang lebih cepat merebak menyebabkan peluang pesakit terus bertahan berkurangan.

"Jika dulu, kita boleh menempatkan seorang jururawat bagi menjaga setiap pesakit tetapi apabila kita 'repurpose' (ubah suai) banyak tempat menjadi ICU, petugas kesihatan kita kini terpaksa merawat dua atau tiga pesakit sekali gus.

"Kakitangan ICU ini bukan sembarangan, mereka sangat terlatih dan khusus. Jadi, kita gunakan tenaga yang sama untuk pesakit yang semakin bertambah. Selain itu, (peningkatan) kes kematian kini juga disebabkan varian baharu yang lebih cepat merebak dan ganas," katanya.

Dr Adham memaklumkan, bagi menambah jumlah petugas di ICU, Kementerian Kesihatan sudah menggunakan Sistem Buddy, yang mana seorang jururawat kanan yang pakar memberi latihan kepada beberapa jururawat baharu untuk menjaga pesakit dalam ICU.